

04 MAY 1996

Razaleigh

TENGGU RAZALEIGH NAK JUMPA PM SEKALI LAGI

KUALA LUMPUR, 4 Mei (Bernama) -- Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) Tengku Razaleigh Hamzah berkata beliau berhasrat menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi sebagai susulan kepada pertemuan mereka baru-baru ini.

Beliau berkata ia bertujuan membincangkan perkara yang belum selesai.

"Saya telah memaklumkan kepada Perdana Menteri mengenai hasrat saya itu dan kini menunggu maklumat balas daripadanya," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat khas Majlis Tertinggi (MT) S46 di ibu pejabat parti itu di sini hari ini.

Kedua-dua pemimpin itu berjumpa sebelum Dr Mahathir membuat lawatan ke luar negara pertengahan bulan lepas.

Dalam kenyataan berasingan baru-baru ini kedua-keduanya berkata mereka berbincang mengenai keadaan ekonomi dan politik tetapi soal kemasukan semula Tengku Razaleigh ke dalam Umno tidak dibincangkan.

Tengku Razaleigh berkata mesyuarat khas MT S46 hari ini diadakan bagi membincangkan keadaan politik semasa di Kelantan dan pertemuannya dengan Dr Mahathir baru-baru ini.

Katanya beliau telah memberi taklimat kepada anggota-anggota MT tentang isi perbincangannya dengan Perdana Menteri itu dan nampaknya mereka berminat.

Ketika ditanya mengenai perkara yang dibincangkan dengan Perdana Menteri, Tengku Razaleigh berkata: "Semua perkara di dalam dunia keeuali perkara akhirat" manakala pertemuan sekali lagi itu bertujuan "membincangkan benda-benda dunia yang belum selesai."

Mengenai keadaan politik di Kelantan, beliau berkata S46 nampaknya terpaksa turun menemui rakyat bagi menjelaskan tentang isu pindaan perlembagaan yang dicadangkan oleh PAS bagi mengkadkan kuasa raja memandangkan PAS kini setiap malam mengadakan ceramah mengenai perkara itu.

Beliau berkata jika cadangan pindaan itu serupa dengan pindaan yang dibuat di Parlimen pada 1993, S46 bukan sahaja menentanginya tetapi akan keluar daripada persidangan seperti yang dilakukan ketika pembentangannya pada persidangan Parlimen.

"Jika PaAS bawa juga perkara itu S46 tetap menentanginya kerana itu dasar kita dan kita tengoklah perkembangan selanjutnya," katanya.

Beliau berkata lebih baik semua pihak dalam Angkatan Perpaduan Ummah (APU) berbincang kerana buat masa ini S46 sendiiri tidak tahu apa yang hendak dipinda itu.

Mengenai kedudukan APU, beliau berkata gabungan itu merupakan pertubuhan yang longgar dan tidak sah kerana apabila ia hendak mendapatkan tandatangan untuk didaftarkan PAS tidak mahu menandatangani.

Apabila ditanya tentang cakap-cakap yang beliau akan menyertai UMNO pada hari ulang tahun ke-50 UMNO pada 11 Mei, Tengku Razaleigh berkata; "Kita tidak ada cadangan langsung akan masuk UMNO."

Tengku Razaleigh berkata beliau dijemput ke majlis itu dan sama ada beliau akan hadir atau tidak, beliau akan membuat "sesuatu yang memeranjatkan."

"Kalau saya ada, adalah dan kalau tidak ada, tak adalah," katanya.

Beliau berkata terpulangkan kepada kepimpinan UMNO untuk mejayakan ulang tahun UMNO itu

"Kita di sini pun (ibu pejabat S46) adakan juga majlis ulang tahun UMNO seperti baca doa selamat." -- BERNAMA

HT NMO